

# Kertas Bil. 4/2025



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS**  
**MENGENAI KEUPAYAAN,**  
**KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN**  
**(*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE,***  
***ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT*)**  
**BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**  
**BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM**  
**INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU**  
**MASA HADAPANNYA**

---

# **PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (JPK–SELCAT) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) - (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kelima Belas Tahun 2025 pada 18 hingga 21 Februari 2025, 24 hingga 28 Februari 2025 dan 3 Mac 2025.
- 1.2 Jawatankuasa SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 10 Oktober 2024 untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai Program Skim Insurans Am Selangor (INSAN).

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Jawatankuasa SELCAT telah menerima aduan dari Ahli Dewan Negeri Selangor dan memutuskan untuk membuat penyiasatan mengenai Skim Am Rakyat Selangor (INSAN) dalam mesyuarat jawatankuasa Bil 1/2024 bertarikh 27 Mac 2024. Jawatankuasa bersetuju untuk menjemput pihak Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) untuk memberikan keterangan mengenai pelaksanaan program ini.
- 2.2 Jawatankuasa SELCAT telah mendapatkan maklumat mengenai Pelaksanaan SKIM Insurans Am Selangor (INSAN) daripada pendengaran tertutup dengan Pihak Menteri Besar (Pemerbadanan) (MBI) pada dalam mesyuarat Bil 2/2024 pada 19 April 2024.

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

Jawatankuasa telah meneliti semua maklumat yang dibekalkan dalam pendengaran tertutup dan sebulat suara bersetuju bahawa pendengaran awam perlu diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pelaksanaan program tersebut.

- 2.3 Jawatankuasa bersetuju untuk membuat pendengaran awam mengenai Pelaksanaan Program Skim Insurans Am Selangor (INSAN) dan Hala Tuju Masa Hadapannya dengan menjemput Tuan Saipolyazan M Yusop, Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor Pernerbadanan (MBI Selangor), Y.Bhg. Dato' Johary Bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Merangkap Pengarah UPEN, Puan Hajah Norita Binti Mohd Sidek selaku bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Y.B Tuan Ng Sze Han, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti dalam mesyuarat Bil 4/2024 bertarikh 27 Ogos 2024.
- 2.4 Jawatankuasa SELCAT telah dimaklumkan bahawa YB Tuan Ng Sze Han, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti tidak dapat menghadiri sesi pendengaran awam pada 10 Oktober 2024 kerana perlu menghadiri tugas rasmi di luar negara.

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

**3. SAKSI -SAKSI**

3.1 Seramai 4 orang saksi telah hadir pada 19 April 2024 untuk memberi keterangan dan membantu memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa SELCAT semasa pendengaran tertutup. Mereka adalah:

3.1.1 Puan Raja Nor Izah Binti Raja Jaafar, Ketua Strategi Korporat MBI;

3.1.2 Encik Daud Abd Rahman, Ketua Divisyen Khidmat Korporat MBI;

3.1.3 Encik Abdul Hazeriq Hafizy Bin Abdul Hamidy, Pengurus Kanan Strategi Korporat MBI; dan

3.1.4 Encik Muhammad Haqim Bin Lokman, Penolong Pengarah SPBT UPEN.

3.2 Seramai 3 orang saksi telah hadir dalam pendengaran awam pada 10 Oktober 2024 untuk memberi keterangan dan membantu memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa SELCAT semasa pendengaran awam. Mereka adalah:

3.2.1 Y.Bhg Dato' Johary bin Anuar selaku Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan),

3.2.2 Tuan Ts. Saipolyazan M Yusop selaku Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan),

3.2.3 Puan Hajah Norita binti Mohd Sldek, mantan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

**4. PENDENGARAN TERTUTUP**

**4.1 KETERANGAN DALAM PENDENGARAN TERTUTUP DARI PIHAK MENTERI BESAR (PEMERBADANAN) (MBI) PADA 19 APRIL 2024.**

4.1.1 Jawatankuasa SELCAT juga telah memanggil saksi-saksi berikut untuk memberikan keterangan mengenai Skim Insurans Am Selangor (INSAN):

- a. Puan Raja Nor Izah Binti Raja Jaafar, Ketua Strategi Korporat MBI;
- b. Encik Daud Abd Rahman, Ketua Divisyen Khidmat Korporat MBI;
- c. Encik Abdul Hazeriq Hafizy Bin Abdul Hamidy, Pengurus Kanan Strategi Korporat MBI; dan
- d. Encik Muhammad Haqim Bin Lokman, Penolong Pengarah SPBT UPEN.

4.1.2 Hasil dari pendengaran tersebut, Jawatankuasa SELCAT telah bersetuju bahawa terdapat beberapa isu yang perlu diberi dijawab, antaranya:

- a. Garis Masa pelaksanaan Program Skim Insurans Konvensional dan Takaful,
- b. Kelantikan Wavpay Fintech Holdings Sdn Bhd sedangkan Negeri Selangor mempunyai aplikasi Selangkah,
- c. Bukti yang menunjukkan aktiviti promosi MBI tentang Program Skim INSAN,

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

- d. Status bantuan teknikal yang diterima dari PWC,
- e. Kos premium dan kos operasi INSAN yang terperinci,
- f. Isu pembayaran sebanyak RM 21 juta untuk INSAN Konvensional dan INSAN Takaful,
- g. Isu memberi perlindungan kepada seluruh rakyat Selangor dan bukannya secara tersasar.

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

**5. PENDENGARAN TERBUKA**

**5.1 KETERANGAN DALAM PENDENGARAN AWAM DARI PIHAK MENTERI BESAR (PEMERBADANAN) (MBI) pada 10 OKTOBER 2024.**

- 5.1.1 Jawatankuasa dimaklumkan oleh CEO MBI bahawa beliau tidak bersetuju dengan dapatan laporan audit yang diterbitkan oleh Bahagian Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, yang mengatakan program INSAN sebagai tidak berjaya. Sebaliknya beliau berpendapat yang program tersebut berjaya kerana ia telah mencapai matlamat untuk memberi perlindungan kepada seluruh rakyat Selangor.
- 5.1.2 Jawatankuasa turut dimaklumkan bahawa CEO MBI dan pihak MBI mengambil maklum terhadap ulasan audit dalaman SUK tentang kurangnya hebahan dan kesedaran rakyat terhadap program INSAN. Pihak MBI akan memperbaiki pelaksanaan program dari segi menghebohkan program-program kepada rakyat Selangor.
- 5.1.3 Jawatankuasa dimaklumkan oleh CEO MBI yang setakat hari ini, tiada rancangan untuk menamatkan program INSAN dan hala tuju masa hadapan program ini masih dalam perbincangan. Perlindungan sedia ada akan terus berkuat kuasa sehingga polisi perlindungan yang dibeli tamat.
- 5.1.4 Jawatankuasa dimaklumkan oleh CEO MBI dari segi pembayaran, Wavpay Fintech Holdings Sdn Bhd masih memegang sebanyak RM1 juta untuk INSAN Konvensional dan RM 720 ribu untuk INSAN Takaful. Masih terdapat ruang untuk berunding dengan syarikat insurans untuk melakukan p potongan bayaran berdasarkan jumlah yang dilindungi.
- 5.1.5 Jawatankuasa dimaklumkan oleh CEO MBI bahawa sekiranya perlindungan tersasar untuk golongan yang berisiko tinggi dilaksanakan,

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

perkara ini akan meningkatkan kos premium insurans. Golongan yang berisiko tinggi terlibat dengan kemalangan seperti pemandu dan penghantar Grab telahpun mempunyai insurans kelompok di bawah Polisi Insurans Grab dengan Chubb Insurans Bhd.

- 5.1.6 Jawatankuasa dimaklumkan oleh Pengarah UPEN yang laporan mengenai pelaksanaan program INSAN dari pihak MBI tidak dijalankan dengan sempurna. Timbalan Pengarah SPBT UPEN memaklumkan kepada Jawatankuasa yang SPBT UPEN hanya menerima satu laporan dari pihak MBI pada bulan Ogos 2024.
- 5.1.7 Jawatankuasa turut dimaklumkan oleh mantan CEO MBI bahawa Wavpay Fintech Holdings Sdn Bhd (49% milik MBI) telah dilantik sebagai pelaksana kerana Wavpay mempunyai gerbang pembayaran dan lesen e-Wallet untuk mengendalikan Program INSAN dan INSAN Takaful.
- 5.1.8 Jawatankuasa dimaklumkan oleh mantan CEO MBI bahawa tiada ketirisan data peribadi telah berlaku. MBI telah mendapatkan pendapat dari Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi yang mengatakan bahawa pelaksanaan program INSAN ini tidak bertentangan dengan peruntukan Akta PDPA.



**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

**5.2 PENEMUAN JAWATANKUASA DARI PENDENGARAN AWAM**

- 5.2.1 Jawatankuasa berpendapat bahawa dari hasil pendengaran tertutup dan pendengaran awam, tiada salah laku kritikal yang memudaratkan rakyat Selangor telah berlaku.
- 5.2.2 Jawatankuasa mendapati yang matlamat program INSAN untuk memberikan perlindungan kepada semua rakyat Selangor, tanpa sebarang bentuk penyasaran telah melibatkan kos perlindungan yang sangat tinggi.
- 5.2.3 Jawatankuasa berpendapat dana yang diperuntukkan untuk Program INSAN mungkin dapat digunakan dengan lebih baik melalui mekanisme pelaksanaan yang berbeza.
- 5.2.4 Jawatankuasa mendapati bahawa mekanisme pemantauan tidak ditetapkan dengan jelas pada permulaan program.
- 5.2.5 Jawatankuasa mendapati dari Laporan Bahagian Audit Dalam yang perkiraan sebanyak enam juta rakyat layak diberikan perlindungan ini telah dianggarkan terlalu tinggi (*overestimated*) dan telah menyebabkan lebihan bayaran premium sebanyak RM1.62 juta.
- 5.2.6 Jawatankuasa bersetuju dengan dapatan Laporan Bahagian Audit Dalam dan berpendapat bahawa pengetahuan rakyat mengenai program ini kurang memuaskan memandangkan sebarang program kerajaan yang dilancarkan memerlukan masa untuk disebarkan kepada orang ramai.

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

**6. SARANAN JAWATANKUASA**

- 6.1 Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil maklum semua kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Pengauditan Pengurusan Program INSAN dan merangka mekanisme untuk mengelakkan dari berulangnya kelemahan-kelemahan ini dalam program-program Kerajaan Negeri yang akan datang.
- 6.2 Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengkaji mekanisme manfaat perlindungan alternatif yang lebih efektif.
- 6.3 Jawatankuasa menyarankan bahawa sistem pendaftaran dan penghebohan harus diperbaiki sekiranya program kerajaan seperti Skim INSAN ingin dilaksanakan di masa hadapan.
- 6.4 Jawatankuasa menyarankan supaya semua program Kerajaan Negeri dirangka dengan menetapkan mekanisme pemantauan yang kukuh sebelum pelaksanaan program untuk mengelakkan berlakunya sebarang salah laku dan ketidakpatuhan tata kelola.
- 6.5 Jawatankuasa menyarankan supaya semua program-program Kerajaan Negeri Selangor diaudit setiap tahun dan laporan audit perlu dibentangkan di Dewan Negeri Selangor.
- 6.6 Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri berusaha untuk menuntut semula atau menolak jumlah bayaran lebih polisi bagi individu yang tidak layak untuk menerima perlindungan dan individu yang tidak dapat ditentukan statusnya di bawah skim ini daripada bayaran akhir.
- 6.7 Jawatankuasa menyarankan supaya sebelum semua program-program Kerajaan berkaitan rakyat di Negeri Selangor dijalankan, libat urus menyeluruh perlu

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

diadakan dengan semua pemegang taruh yang terlibat (seperti Pusat Khidmat Masyarakat Ahli-ahli Dewan Negeri) supaya semua pihak dapat memahami intipati program ini dan memastikan program ini sampai kepada rakyat.

- 6.8 Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri berusaha sebolehnya untuk memastikan mana-mana saksi yang telah dipanggil oleh Jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri Selangor hadir untuk memberikan keterangan yang diperlukan.
- 6.9 Jawatankuasa SELCAT mengambil maklum pengumuman dari YAB Dato Menteri Besar, Dato Seri Amirudin Shari, semasa Sidang Bajet 2025 bahawa Program INSAN akan digantikan dengan Program Khairat Darul Ehsan di bawah kendalian Itizam Selangor Sihat (ISS).

**7. SENARAI DOKUMEN RUJUKAN**

- 7.1 Laporan Pengauditan Program Skim Insurans Am Selangor (INSAN) terbitan Bahagian Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

**8. PERAKUAN**

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi yang cemerlang dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing. Penyata ini dibincang dan diluluskan oleh JPK–SELCAT dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2025 pada 16 Januari 2025.

Disahkan oleh:



.....  
**YB Tuan Lau Weng San**

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan  
(JPK-SELCAT)

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Khas mengenai Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (JPK SELCAT)

- |    |  |           |
|----|--|-----------|
| 1. | YB Tuan Lau Weng San<br>(Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor)     | Pengerusi |
| 2. | YB Tuan Yew Jia Haur<br>(N22 Teratai)                            | Ahli      |
| 3. | YB Tuan Dr. Afif Bin Bahardin<br>(N33 Taman Medan)               | Ahli      |
| 4. | YB Datuk Wira Johan Bin Abd Aziz<br>(N23 Dusun Tua)              | Ahli      |
| 5. | YB Puan Mariam Binti Abdul Rashid<br>(N42 Meru)                  | Ahli      |
| 6. | YB Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali<br>(PN-PPBM-N18 Hulu Kelang) | Ahli      |
| 7. | YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi<br>(N51 Sijangkang)           | Ahli      |

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (JPK–SELCAT) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM SKIM INSURANS AM SELANGOR (INSAN) DAN HALA TUJU MASA HADAPANNYA.**

---

**Urus Setia:**

- |    |  |                             |
|----|--|-----------------------------|
| 1) | Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar   | Setiausaha Bahagian (Dewan) |
| 2) | Encik Ahmad Fuad Hilmi Bin Muhamad     | Penolong Setiausaha (Dewan) |
| 3) | Puan Siti Salina Binti Muftar          | Setiausaha Pejabat (Dewan)  |
| 4) | Encik Ahmad Faiz Bin Mustafa Amirrudin | Pegawai Penyelidik Kanan    |
| 5) | Cik Shangkaree A/P S.Sittarasu         | Penyelidik Pejabat Speaker  |